

## **SYARAT-SYARAT PENYEWAAN**

### **1. Permohonan Penyewaan**

- 1.1. Semua permohonan untuk menyewa aset Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang hendaklah dibuat dalam sistem e-tempahan
- 1.2. Notis kelulusan penyewaan akan diberi dan disahkan melalui sistem e-tempahan.

### **2. Pembayaran**

#### **2.1. Bayaran Wang Cagaran**

- a) Wang cagaran hendaklah dibayar oleh penyewa dalam tempoh 24 jam setelah mendapatkan kelulusan tempahan melalui sistem e-tempahan.
- b) Bayaran boleh dibuat dalam bentuk "Online Banking" atau "E-Wallet" di dalam sistem e-tempahan.
- c) Pihak PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG berhak membuat apa-apa potongan wang dari jumlah wang cagaran tersebut bagi membiayai sebarang kerosakan yang dilakukan oleh penyewa terhadap hak milik aset PSDKLPP.

#### **2.2. Bayaran Sewa dan Bayaran Perkhidmatan / Kemudahan Tambahan**

- a) Kesemua bayaran untuk sewa dan perkhidmatan / kemudahan tambahan hendaklah dibayar oleh penyewa dalam tempoh 24 jam setelah mendapatkan kelulusan tempahan melalui sistem e-tempahan
- b) Bayaran boleh dibuat dalam bentuk "Online Banking" atau "E-Wallet" melalui sistem e-tempahan.

### **3. Pembatalan Tempahan**

- 3.1. Sekiranya bayaran sewa dan wang cagaran tidak dibayar dalam tempoh 24 jam dari tarikh kelulusan penyewaan dikeluarkan, maka PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG berhak membatalkan tempahan tersebut tanpa sebarang notis.

3.2. Sekiranya penyewa membatalkan tempahannya 1 bulan sebelum tarikh acara sebenar maka keseluruhan daripada jumlah WANG CAGARAN tidak akan dikembalikan.

#### **4. Harta Milik Aset Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang**

4.1. Penyewa hendaklah menjaga semua barang-barang peralatan dan harta aset PSDKLPP dengan baiknyanya dan bertanggungjawab mengembalikan semua peralatan / harta yang disewa dalam keadaan yang bersih dan sempurna atau membayar kos penggantian/pembaikan mengikut kadar semasa sekiranya berlaku kerosakan keatas harta / barangan tersebut.

#### **5. Pemasangan Tambahan& Lain-Lain Kesan Khas(*Special Effect*)**

5.1. Bagi pameran yang menggunakan '*booth/ partition*' mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu dari pihak Pengurusan PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG dan juga menghantar satu Salinan plan (*layout*) susun atur pameran tersebut untuk rujukan/makluman.

5.2. Penyewa tidak dibenarkan membuat pemasangan / penyambungan elektrik keluaran apa-apa pemasangan tambahan dari aset PSDKLPP. Sekiranya pemasangan elektrik & barangan mesin yang bervoltan tinggi pihak penyewa diminta mendapatkan kelulusan dari pengurusan PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG terlebih dahulu.

5.3. Penyewa dilarang sama sekali menggunakan **PAKU, SKRU, STAPLER GUN, DOUBLE SIDED TAPE HITAM** atau apa-apa yang boleh merosakan dinding bangunan aset bagi tujuan seperti menampal, menggantung (poster / sepanduk / bendera / banner / papan tanda dll) dimana-mana jua bahagian kawasan aset PSDKLPP tanpa kelulusan pengurusan PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG.

5.4. Sebarang aktiviti atau majlis yang berbentuk persembahan konsert, ceramah, perhimpunan politik, pihak penganjur mesti mendapatkan kebenaran dan kelulusan/permit terlebih dahulu dari agensi-agensi yang berkaitan seperti Bahagian Perlesenan MBSP, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya.

5.5. Sebarang akitiviti yang berunsur perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan.

5.6. Sebarang pemasangan hendaklah ditanggalkan sebaik sahaja tamat tempoh penyewaan.

- 5.7. Penyewa dilarang mengetuk paku keatas sebarang harta / peralatan milik aset PSDKLPP atau menggunakan bahan-bahan bernyala dan letupan di dalam aset PSDKLPP.
- 5.8. Penyewa adalah dilarang sama sekali memasak / memanaskan bahan-bahan untuk jamuan / mencuci pinggan mangkuk dan peralatan memasak di dalam dan di kawasan aset PSDKLPP.
- 5.9. Sebarang kerja pemanasan makanan perlu mendapatkan kelulusan daripada PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG terlebih dahulu.

## **6. Keselamatan**

- 6.1. Penyewa adalah diminta menjaga keselamatan dan kebersihan tempat-tempat yang digunakan serta melarang orang-orang yang tidak berkenaan daripada masuk atau mengganggu sebelum / semasa acara dijalankan.
- 6.2. Sebarang kemalangan yang berlaku bersabit dengan penggunaan aset yang berpunca daripada kelalaian penyewa tidaklah menjadi tanggungjawab Pengurusan PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG.
- 6.3. Pihak Pengurusan PSDKLPP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan / kehilangan peralatan dan lain-lain barang milik penyewa.

## **7. Mengosongkan aset-aset PSDKLPP**

- 7.1. Penyewa hendaklah mengosongkan aset PSDKLPP sebaik sahaja tamat tempoh penyewaannya dan segala barang milik kepunyaan penyewa hendaklah dikeluarkan dari bangunan aset PSDKLPP.
- 7.2. Penyewa bertanggungjawab untuk membersihkan dan mengeluarkan semua sampah sarap yang berada di dalam dewan sebaik sahaja tamat tempoh penyewaan.
- 7.3. PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang apa-apa kehilangan harta milik penyewa, kerugian yang berlaku akibat kerosakan mesin, kegagalan bekalan

elektrik, kebakaran, peraturan yang ditetapkan kerajaan dan lain-lain kejadian semulajadi yang mungkin mengakibatkan pembatalan penyewaan atau penutupan aset PSDKLPP.

## 8. Pemulangan Wang Cagaran

Pemulangan wang cagaran akan diproseskan dalam tempoh **21 hari** bekerja . Selepas acara, Penyewa hendaklah memberi kepada Unit Tempahan bersama-sama salinan Buku Akaun atau penyata penama Akaun Bank Untuk Bayaran Secara EFT untuk tujuan Pemulangan Bayaran.

### PERINGATAN

1. Untuk Penyewaan Dewan Milenium, Kepala Batas, sila ambil perhatian bahawa lantai aset Dewan Millenium telah pun dilengkapi dengan bahan khas iaitu GERFLOR. Pihak kami ingin menasihatkan pihak penyewa supaya bersikap **CERMAT** dalam menjalankan kerja-kerja persiapan acara / ubahsuai alat-alat acara yang berkaitan terutamanya alat-alat berat agar tidak merosakkan lantai tersebut seperti dicalarkan / dikoyakkan / lekukkan dan lain-lain lagi.

Memandangkan kepada harga yang tinggi untuk membaik pulih kerosakan lantai tersebut, pihak PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG akan mengenakan kos membaiki tersebut kepada penyewa mengikut kadar harga semasa.

Untuk makluman tuan, kos membaiki kerosakan pada setakat ini ialah seperti berikut:-

- i. Menggantikan *tiles* - Bergantung pada kos pembaikan
- ii. Mengilatkan - Bergantung keluasan

2. Pihak PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG berhak **MEMBATALKAN** tempahan sekiranya pihak Kerajaanewartakan bagi penggunaan aset PSDKLPP.
3. Semasa penggunaan peralatan / perabot tambahan untuk aktiviti dalam dewan seperti kerusi, mejamakan, *booth* pameran, *kiosk* dan lain-lain hendaklah mempunyai pelapik *CARPET*. Pihak Pengurusan PSDKLPP berhak menghalang penyewa dari membawa peralatan tersebut yang tidak menggunakan pelapik *CARPET*.

4. Penyewa tidak dibenarkan **MEMBAWA** masuk **MINUMAN KERAS** dan apa jua minuman yang memabukkan.